

100 sukarelawan sertai misi UMS bantu mangsa banjir

DE 6-1-2016 6
KOTA KINABALU: Seramai 100 sukarelawan terdiri daripada 20 kakitangan dan 80 pelajar dari UMS mengambil bahagian dalam misi universiti untuk membantu mangsa banjir di Sabah terutamanya di Kota Belud dan Beaufort.

“Universiti bersedia untuk membantu masyarakat di sini terutamanya mereka yang terjejas kerana kita juga bertanggungjawab dalam membantu mengurangkan beban mereka,” kata Naib Canselor Datuk Mohd Harun Abdullah.

Upacara simbolik penyerahan

diterima oleh Penolong Pegawai Daerah Kota Belud Peter Jiton. Turut hadir ialah Timbalan Kerja Raya Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin.

Harun yang mengetuai misi bantuan di daerah itu berkata selain pengagihan sumbangan seperti beras, susu dan air mineral kepada mangsa, pasukan itu boleh menilai situasi dan kerosakan akibat banjir.

“Kita bukan sahaja menawarkan bantuan dari segi barangan tetapi juga melakukan susulan dari segi psikologi dan emosi mangsa selepas situasi bertambah baik,” katanya.

Menurut seorang penduduk di Kg Lingkodon, Selamat Soor, 45, paras air naik dengan pantas walaupun penduduk kampung masih berjaya mengalihkan kenderaan mereka ke tempat lebih tinggi sebelum terlambat.

“Kami berterima kasih kepada UMS atas keprihatinan mereka,” katanya.

Di Kg Tanjung Pasir Labuan, kira-kira 60 mangsa banjir masih tinggal di surau kampung. Setiap daripada mereka menerima bantuan makanan daripada Harun.